

Kebebasan Beragama dalam Wilayah Dakwah

Zikmal Fuad¹ & Ta'rif

*Jabatan Dakwah dan Pengurusan Akademi Islam,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)¹
Badan Penelitian dan Pengembangan, Kementerian Agama Republik Indonesia²
zikmal@kuis.edu.my¹ & ta75rif@gmail.com²*

ABSTRAK

Kebebasan merupakan salah satu hak asasi manusia untuk memilih dan menentukan pilihannya tanpa ada paksaan daripada pihak lain, tambahan pula hal yang berkaitan dengan keyakinan. Kertaskerja ini akan membincangkan kebebasan beragama dalam wilayah dakwah. Pemilihan terhadap kajian ini untuk dianalisa dan melihat kepada kepentingan dakwah dalam konteks dakwah masa kini. Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan dakwah dari sudut perspektif Islam, menjelaskan maksud kebebasan beragama dalam Islam dan mengkaji etika berdakwah dalam masyarakat majmu'. Kertaskerja ini juga mencuba menjelaskan bagaimanakah Islam sebagai agama dakwah memberikan tuntutan terhadap kebebasan beragama dan sempadan wilayah untuk berdakwah. Metodologi kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini melibatkan kajian kepustakaan dan lapangan. Kajian kepustakaan menggunakan kaedah analisis kandungan dan analisis dokumen, manakala kajian lapangan menggunakan kaedah pemerhatian.

Kata kunci: *kebebasan, wilayah, dakwah, etika, masyarakat.*

PENDAHULUAN

Secara dasarnya, setiap agama mempunyai peranan untuk menyebarkan ajaran supaya mencapai "mission sacre" kepada umat manusia. Syiar agama merupakan salah satu cara untuk mempertahankan kelangsungan sesuatu agama, tanpa syiar agama maka agama akan lenyap. Max Muller membahagikan sifat agama kepada dua kelompok iaitu agama dakwah dan "non dakwah". Di antara contoh agama dakwah adalah Yahudi, Brahma dan Zoroaster. Hal yang demikian disebut agama dakwah atau misi adalah di mana di dalamnya ada usaha menyebarkan kebenaran, mengajak orang-orang yang belum mempercayainya dianggap sebagai tugas murni dan suci oleh pembawanya atau oleh para pengikutnya. Semangat untuk memperjuangkan kebenaran ini tidak pernah lenyap dari jiwa penganutnya sehingga kebenaran itu terwujud dalam pemikiran, kata-kata dan perbuatan semangat yang membuatkan mereka merasa tidak puas sehingga berhasil menyemaikan nilai-nilai kebenaran itu ke dalam jiwa setiap orang, sehingga apa yang diyakini sebagai kebenaran yang harus diterima oleh seluruh manusia (Thomas W. Arnold: 1981).

Misi suci agama ini merupakan suatu keharusan bagi setiap pemeluk agama yang apabila tidak di sampaikan akan mendapat "dosa" di akhirat kelak. Dari peranan misi ini telah bangun setiap agama dengan berlumba-lumba untuk menyebarkan ajaran masing-masing kerana dianggap sebagai sebuah kebenaran yang harus disampaikan dalam rangkuman untuk memperoleh pengikut sebanyak-banyaknya. Wilayah ini sering terjadi gesekan dan konflik yang sehingga sekarang masih menjadi "bom" waktu bagi penganut umat beragama dengan menggunakan kepentingan kebenaran masing-masing yang menganggap mereka pemilik kebenaran 'truth Claim'.

Melihat realiti di atas, perlukah setiap agama yang membawa pesan hidup kepada kedamaian, ketenteraman, keadilan dan sebagainya, dapat menimbulkan pertembungan sesama penganut agama. Bagaimana sepatutnya setiap agama di tengah-tengah kehidupan masyarakat yang majmuk dalam menghadapi hal ini agar suasana dalam keadaan yang kondusif dan saling mengerti serta toleransi sesama agama. Bagaimanakah jalan penyelesaiannya? Bagaimanakah Islam sebagai agama dakwah memberikan tuntutan terhadap kebebasan beragama dan sempadan wilayah untuk berdakwah. Oleh itu kertaskerja ini mengajak untuk mengkaji lebih jauh terhadap persoalan ini.

DAKWAH PADA SUDUT PERSPEKTIF ISLAM

Apabila di usul kembali kepada masalah dakwah Islam, kita perlu mengkaji mengapa setiap umat Islam diwajibkan untuk berdakwah. Banyak bukti yang dapat dijadikan sebagai pedoman sama ada dalil daripada al-Quran dan al-Hadith dan sejarah Islam. Antara bukti daripada Hadith yang membawa penyeruan kepada dakwah adalah:

بلغوا عني ولو آية (رواه البخاري)

Maksudnya: Sampaikanlah (ajaran-ajaran) daripadaku walau hanya sepotong ayat. (HR Imam Bukhari).

Pada sudut sejarah Islam dapat dilihat daripada utusan Rasulullah SAW ke dunia dengan membawa pesan-pesan Ilahi yang harus disampaikan kepada umatnya yang kemudian Baginda mengamalkannya dan dijadikan sebagai ikutan oleh umatnya. Kemunculan para mubaligh atau da'i yang telah menyebarkan ajaran Islam ke seluruh pelusuk dunia sehingga terdapat satu perlima penduduk dunia dalam pemeluk agama Islam dan menunjukkan bahawa agama Islam telah diterima oleh penduduk dunia.

Uslub dakwah adalah menggunakan kaedah “mengajak” kepada orang lain walau sudah beriman dan belum memeluk agama Islam. Kaedah ajakan dakwah ini dilakukan dengan penuh hikmah dan kearifan yang menghindari perkara dari bentuk konflik keagamaan dan tidak membuat pemaksaan.

Dalam al-Quran banyak menyebut tentang Nabi Muhammad SAW berdakwah atau menyampaikan wahyu kepada umat manusia tidak dengan pemaksaan oleh kerana itu, ada segelintir umat yang tidak menerima pesan Ilahi yang disampaikan Rasul itu kerana Nabi menyatakan bahawa tugas Nabi adalah menyampaikan. Daripada pernyataan ini dapat disimpulkan bahawa penerimaan seseorang itu untuk memeluk agama Islam adalah berdasarkan kehendak dan kecerendungannya untuk memeluk agama Islam. Hal ini disebabkan, hidayah itu milik Allah SWT dan bahkan Rasulullah SAW sendiri tidak dapat memberikan hidayah kepada orang yang sangat dicintainya iaitu bapa saudaranya sendiri. Pernyataan ini tidak bermaksud untuk mengkritik uslub dakwah yang dilakukan oleh Baginda, bahkan Baginda merupakan ikutan yang terbaik dari sudut dakwahnya, namun hidayah itu milik Allah SWT.

KEBEBASAN BERAGAMA DALAM ISLAM

Kebebasan merupakan salah satu hak asasi manusia untuk memilih dan menentukan pilihannya tanpa ada paksaan daripada pihak lain, tambahan pula hal yang berkaitan dengan keyakinan. Islam adalah suatu ajaran yang bersumberkan daripada ilahi dan sudah menandakan manusia

diberi kebebasan untuk memilih sesuai dengan pilihannya. Pilihan manusia itu akan menentukan tanggungjawab masing-masing.

Kebebasan beragama dalam Islam mendapat jaminan, diberi kebebasan, tidak ada paksaan untuk memilih keyakinan. Hal ini kerana pada hakikatnya, hidup manusia di dunia ini diberi kebebasan oleh Allah SWT sama ada mereka beriman atau tidak dan pilihan-pilihan tersebut mengikut kehendak masing-masing. Niscaya Allah SWT tidak menghendaki seluruh umat manusia ini semuanya beriman, hal ini disematkan dalam Firman Nya dalam surah al-Nahl ayat 93:

وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَجَعَلَكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً

Maksudnya: Seandainya Allah SWT menghendaki, niscaya Allah SWT menjadikan manusia menjadi satu umat sahaja (dalam satu agama sahaja).

Dalam ayat ini Allah SWT tidak menghendaki yang demikian, kerana Dia memberikan kebebasan kepada manusia untuk memilih sendiri jalan yang dianggapnya benar (M. Quraish Shihab 1997: 9).

Islam merupakan agama yang sangat bertoleransi dan menghargai agama lain, namun yang menjadi permasalahannya kini adalah bagaimana ingin menyemai kesedaran itu dalam kalangan umat Islam sendiri, serta bagaimana cara untuk menyampaikan kesedaran tersebut kepada umat Islam kini sedangkan kerukunan dan sikap toleransi terhadap agama lain ini banyak diterangkan dalam Hadith dan al-Quran.

Walaupun sifat toleransi atau *tassamuh* dalam beragama berkait rapat dengan kebebasan beragama, namun masalah keyakinan tidak boleh dipaksa. Nabi Muhammad SAW menyedari adanya keragaman dalam komuniti keagamaan di Madinah. Nabi tidak memaksa orang bukan Islam untuk memeluk Islam, malah mengakui pertolongan mereka seperti yang tercantum dalam Piagam Madinah Perkara ke-25.

Pada zaman pemerintahan Rasulullah SAW di Madinah terdapat seorang dari kaum Ansar dari Bani Salim bin Auf, bernama al-Hushain yang mempunyai dua orang anak yang beragama Nasrani, namun dirinya adalah seorang muslim. Al-Hushain bertanya kepada Baginda “bolehkah saya paksa kedua anak itu, kerana mereka tidak taat kepadaku, dan tetap ingin beragama Nasrani?” maka turunlah ayat mengenai pertanyaan yang diajukan tadi bahawa tiada paksaan dalam Islam (KH. Q. Shaleh 2000).

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ ۚ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ ۚ فَمَنْ يَكْفُرْ بِالطَّاغُوتِ وَيُؤْمِن بِاللَّهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ لَا انْفِصَامَ لَهَا ۚ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

Maksudnya: Tidak ada paksaan dalam agama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur). Oleh itu, sesiapa yang tidak percayakan Taghut, dan ia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh yang tidak akan putus. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui. (QS Al-Baqarah : 256).

Berkaitan dengan ayat di atas, A.Yusuf Ali dalam tafsir “The Holy Al-Quran” memberikan pandangan bahawa Compulsion is incompatible with religion merupakan paksaan bertentangan dengan (ajaran agama). Selanjutnya ia menyatakan:

1. Agama adalah berkaitan dengan soal iman dan hati nurani, dan jika dilakukan dengan kekerasan, maka tidak wujud lagi kebebasan beragama dan pilihan.
2. Kebenaran dan kesalahan dapat dilihat dengan kurniaan ilahi dan tidak diragukan oleh pendapat-pendapat orang lain, yang dapat menggoyahkan iman di hati.
3. Perlindungan dari Allah SWT sentiasa teratur dan petunjukNya sentiasa mengeluarkan manusia daripada kegelapan ke cahaya yang menyinari kehidupan.

Salah satu motivasi tidak boleh dilakukan pemaksaan terhadap agama dalam hal ini adalah agama Islam, ialah kerana Islam telah menunjukkan mana yang baik dan buruk, mana yang menguntungkan dan merugikan, mana yang membahagiakan dan mana yang sengsara. Semua ini ibarat diberikan juadah yang enak dan ada yang pahit, malahan hanya perlu memilih sahaja yang teringin di hati. Oleh itu, Allah SWT telah mengurniakan kita akal yang cerdas dan waras bagi membuat pemilihan yang tepat dan betul.

Kebebasan untuk menganut sesuatu agama adalah salah satu di antara hak-hak asasi manusia yang di lindungi dengan undang-undang dalam semua negara-negara maju, yang sifatnya agak keterbukaan dan menyeluruh. Dalam pernyataan umum, hak-hak asasi yang diperbahaskan pada sidang PBB 10hb Disember 1948 di Paris, soal kebebasan beragama itu diutarakan dalam salah satu Perkara daripada 30 Perkara Hak-Hak Asasi manusia, iaitu perkara 18 disebutkan:

“Setiap orang berhak akan kebebasan berfikir, keinsafan batin dan agama; dalam hak ini termasuk kebebasan akan menyatakan agama atau kepercayaannya, baik sendiri atau bersama-sama dengan orang lain, mahupun beramai-ramai, ataupun dalam hidup sebahagian dalam pengajaran, amal, ibadah dan dalam menjalankan aturan-aturannya”.

Pernyataan tersebut adalah untuk memperbaharui kepercayaan bangsa-bangsa terhadap hak-hak dasar manusia tentang kebebasan beragama, yang berada jauh sebelum itu telah diperjuangkan oleh berbagai bangsa dan Negara, sehingga tercapai satu tingkatan di mana pengakuan yang bersifat keterbukaan dan menyeluruh (H.M Yunan Nasution: 1998: 23).

Dalam konteks Negara Republik Indonesia, kehidupan dan kebebasan beragama telah diwartakan dalam UUD 45 Perkara 29 yang menyatakan:

- Negara berdasarkan atas Ketuhanan yang Maha Esa.
- Negara menjamin kebebasan tiap-tiap penduduk untuk memeluk agamanya dan kepercayaannya itu.

Jelaslah bahawa dari sudut hukum nasional atau international, kebebasan beragama itu merupakan hak-hak asasi manusia yang bersifat keperluan. Oleh yang demikian dapat dikatakan bahawa cara-cara yang ditempuh untuk mengembangkan dan menyiarkan agama itu haruslah memenuhi hak-hak asasi manusia, tidak boleh dilakukan dengan kekerasan, paksaan, pujukan, rayuan atau dengan cara-cara lain yang terkenal dengan menghalalkan cara.

ETIKA DAKWAH DALAM MASYARAKAT MAJMUK

Perkembangan masyarakat majmuk menunjukkan bahawa kita berada dalam masyarakat plural, dan adanya peranan bagi setiap agama, peluang untuk berlakunya konflik antara umat beragama terbuka luas. Tambahan pula masing-masing pemeluk agama yang mengaku sebagai pemilik tunggal kebenaran dan keselamatan.

Dalam kalangan kehidupan masyarakat yang majmuk di atas, aktiviti dakwah yang berpandukan kaedah “ajakan” untuk kembali dan masuk ke dalam agama Islam perlu dilakukan secara baik iaitu dilakukan secara penuh hikmah dan kearifan yang dapat mengelakkan daripada timbulnya konflik dan tidak melahirkan pemaksaan.

Dalam konteks dakwah Islam dengan kebebasan beragama ini sepatutnya diatur dengan peraturan yang dapat mempersempitnya. Apabila dengan alasan kebebasan supaya penyebarannya boleh dilakukan secara bebas dan tidak mengendahkan norma-norma, maka tidak ubah seperti permainan bola yang tidak memerlukan peraturan sehingga menimbulkan pekikan dan kekacauan. Dalam setiap permainan tentu ada “run of game” iaitu peraturan cara permainan, supaya tidak menjadi kacau bilau. Sesuatu permainan yang tidak dikendalikan oleh peraturan-peraturan boleh menimbulkan perebutan kuasa dan setiap perebutan pada umumnya akan mengakibatkan terjadinya kekacauan dan keresahan.

Maka dalam menjalankan kewajiban berdakwah itu kaum muslimin diperintahkan supaya berpegang pada wahyu Ilahi:

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ۚ وَجَادِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ ۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ.

Maksudnya : Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk. (surah An-Nahl ayat 125).

Bagi menjalin kebersamaan di antara sesama pemeluk agama dalam mengembangkan agama melalui dakwah atau misi, perlu adanya dialog cara mengimbangi yang dapat mengatur dan mengendalikan hubungan dan konflik antara umat beragama. Perkara ini dapat dipecahkan bersama tentang penyelesaian mana yang menjadi batas “ruang bebas” dan “ruang terbatas” dalam penyebaran agama.

Kewujudan dialog bertujuan untuk mencari atau menemukan titik pertemuan antara pemeluk agama yang secara penguasaannya diasaskan dalam al-Quran agar interaksi sosial tidak ditemukan persamaan kehendaknya masing-masing mengakui keberadaan pihak lain, dan tidak perlu menyalahkan hak lain. Sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah Ali-Imran ayat 64:

قُلْ يَا أَهْلَ الْكِتَابِ تَعَالَوْا إِلَى كَلِمَةٍ سَوَاءٍ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ أَلَّا نَعْبُدَ إِلَّا اللَّهَ وَلَا نُشْرِكَ بِهِ شَيْئًا وَلَا يَتَّخِذَ بَعْضُنَا بَعْضًا أَرْبَابًا مِنْ دُونِ اللَّهِ فَإِنْ تَوَلَّوْا فَقُولُوا اشْهَدُوا بِأَنَّا مُسْلِمُونَ.

Dalam konteks ini, dialog tidak diertikan sebagai bahan rundingan antara pelbagai pemeluk agama sehingga ada yang kalah dan menang. Melainkan dengan membiarkan hak setiap orang untuk mengamalkan keyakinannya dan menyampaikannya kepada orang lain. Dialog juga perlu dilakukan dalam suasana kebersamaan, toleransi, jujur dan ikhlas dalam menerima perbedaan dan pluralistik.

Dalam Islam seperti yang disebutkan, telah menggariskan bagaimana membina dan menjalin hubungan antara umat beragama baik secara umum atau sejarah. Maka dalam dialog antara umat beragama bukanlah sesuatu yang diharamkan, tapi malah dianjurkan. Dari sini Islam sebenarnya menawarkan teologi inklusif, menolak eksklusifisme dan lacterianisme.

Dalam hubungan penyebaran agama, dakwah dan misi yang merupakan jalan bagi hubungan antara umat beragama, maka perlu mematuhi etika bersama dalam menyebarkan agama, supaya tidak menjadi konflik yang boleh menyebabkan perang agama misalnya perang salib yang telah terjadi pada masa dahulu agar menjadi peringatan kepada kita sebagai pengalaman berharga untuk membina hubungan antara umat berguna.

Di antara prinsip-prinsip bagaimana seorang muslim berdakwah terhadap orang lain adalah :

1. Harus menjauhkan sikap paksaan, tekanan, intimidasi dan seumpamanya. Islam tidak mengenakan tindakan keras dalam pergaulan dengan pemeluk-pemeluk agama lain namun harus bersikap tasammuh atau toleransi.
2. Islam memandang pemeluk-pemeluk agama lain, terutama orang-orang Ahli-Kitab mempunyai landasan akidah yang sama, iaitu mempercayai Allah yang Maha Esa. Islam mengakui kebenaran dan kesucian kitab Taurat dan Injil yang asli.
3. Islam menghulurkan persahabatan terhadap pemeluk-pemeluk agama lain selama mana mereka tidak menunjukkan sikap dan tindakan permusuhan.
4. Pendekatan terhadap pemeluk agama lain untuk meyakinkan mereka terhadap kebenaran ajaran Islam haruslah dilakukan dengan cara berdiskusi bersama dan sikap yang terbuka (H.M Yunan Nasution 1998: 13-14).

Untuk mengelakkan terjadinya konflik antara umat beragama, pemerintah Indonesia melalui SK Menteri Agama No 70/1978 tentang panduan Penyiaran agama yang walaupun sampai sekarang dalam kalangan Kristian dan Protesten merasa keberatan dengan adanya SK Menteri ini. Di antara kandungan SK Menteri itu adalah sebagai berikut:

1. Untuk menjaga kestabilan kebangsaan dan demi menegakkan kerukunan umat beragama supaya pengembangan agama dapat dilaksanakan dengan semangat kerukunan serta saling hormat-menghormati antara umat beragama.
2. Pengembangan dakwah tidak dibenarkan untuk:
 - a. Ditujukan terhadap orang dan orang-orang yang telah memeluk sesuatu agama lain.
 - b. Dilakukan dengan menggunakan pujukan, wang, makanan dan minuman, ubat-ubatan dan lain-lain agar orang lain tertarik untuk memeluk sesuatu agama.
 - c. Dilakukan dengan masuk rumah ke rumah orang lain yang telah memeluk agama lain.
 - d. Dilakukan dengan cara penyebaran pamflet, buletin, majalah, buku-buku dan sebagainya di daerah-daerah, rumah-rumah kediaman umat orang yang beragama lain.

Dengan adanya etika bersama antara umat beragama, dapat diketahui secara jelas di mana tempat yang menjadi wilayah yang harus didakwahi. Etika ini yang menjadi pedoman bersama untuk menjalin sifat silaturrahim, toleransi dan menghindari daripada berlakunya konflik antara pemeluk agama.

Mungkin ada kaedah yang menarik untuk kita bincangkan bersama bagaimana sekiranya penyebaran agama tidak lagi berbentuk mengajak penganut agama lain agar menukarkannya, tapi terwujud dalam bentuk upaya-upaya kebaikan dan peningkatan kualiti hidup usia seperti kemiskinan, keadilan, penindasan dan sebagainya. Apabila hal ini disepakati maka tidak mungkin terjadi konflik di antara umat beragama.

PENUTUP

Kebebasan beragama bererti bebas dari adanya intimidasi dan pemaksaan untuk pemeluk keyakinan kerana pada dasarnya kebebasan beragama merupakan hak asasi manusia dalam menentukan pilihan sesuai dengan keyakinannya yang dijamin baik oleh al-Quran, walaupun dalam hukum nasional dan International (PBB). Islam merupakan agama yang diberi kebebasan terhadap manusia untuk menerima Islam atau tidak, kerana bagi dirinya terdapat pilihan dan tanggungjawab atas pilihannya, hal ini juga telah maklum melalui perutusan benar yang dibawa oleh Rasulullah mengenai perkara yang hak dan batil dan mana yang ma'aruf dan yang mungkar.

Landasan kebebasan beragama dalam wilayah dakwah sudah dijelaskan berdasarkan landasan normative mahupun gambaran sejarah, iaitu tiada pemaksaan dan penindasan terhadap orang yang didakwahkan.

RUJUKAN

- Adi Sasono (et al). 1998. *Solusi Islam Terhadap Problematika Umat* (Jakarta: GIP) Cetakan ke-1. Buletin Mimbar Agama dan Budaya IAIN Jakarta, No 28 Th. XI 1994/95.
Kumpulan Makalah Seminar Filosofi Agama IAIN Jakarta, 24 March 1998.
- M. Quraish Shihab. 1997. *Wawasan Al-Quran* (Bandung: Mizan). Cetakan Ke-5.
- M. Amin Rais. 1998. *Tauhid Sosial; Formula Menggempur Kesenjangan* (Bandung: Mizan) Cetakan ke-2
- M. Nasir. 1978. *Fiqhud Dakwah*. (Jakarta: Dewan Dakwah Islamiyah Indonesia). Cetakan ke-1.
- H. M. Yunan Nasution. 1998. *Islam dan Problematika Kemasyarakatan* (Jakarta: Bulan Bintang) Cetakan ke-1.
- Q. Shaleh., KH. 2000. (et.al.). *Asbabun Nuzul*. (Bandung: Diponegoro). Cetakan ke-1.
- Syamsudduha. 1987. *Penyebaran dan Perkembangan Islam, Katolik, Protestan di Indonesia*. (Surabaya: Usaha Nasional) Cet. Kedua.
- Thomas W. Arnold. 1981. *Sejarah Dakwah Islam*. (Jakarta: Widjaya). Cetakan Ke-2.
- Yusuf Qordhowi, Syeikh. 1999. *Anatomi Masyarakat Islam* (Terj) (Jakarta: Al-Kaustar) Cetakan ke-1.
- Yusuf Qordhowi, Syeikh. 1990. *Pedoman Juru Dakwah* (Terj), (Surabaya: Mutiara Ilmu, 1990). Cetakan ke-1.